



KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

PENGHARGAAN PELAKSANAAN PERUBAHAN BAGI MENGURANGKAN
KERENAH BIROKRASI DI KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

PUTRAJAYA, 23 Julai 2025 – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) terus komited dalam menyahut saranan Kerajaan untuk melaksanakan perubahan bagi mengurangkan kerenah birokrasi selari dengan matlamat Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam 2024-2030.

Komitmen ini dibuktikan melalui penganugerahan sijil penghargaan oleh Ketua Setiausaha Negara kepada Ketua Setiausaha MOTAC atas kejayaan melaksanakan projek di bawah program Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB) yang berjaya memendekkan tempoh pengeluaran surat kelulusan bersyarat kenderaan pelancongan di Sabah, Sarawak dan W.P. Labuan daripada lima hari kepada satu hari.

Penambahbaikan ini memudahkan penyediaan kenderaan pelancongan, terutamanya pada musim puncak, sekali gus meningkatkan kecekapan operasi syarikat pelancongan. Kejayaan projek ini mencerminkan dedikasi MOTAC dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan, produktiviti dan daya saing negara, selaras dengan prinsip Malaysia MADANI.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)

Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-8891 7181

Website: www.motac.gov.my Email: group.ukk@motac.gov.my

Facebook, Instagram, X & TikTok: @mymotac